

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada siasatan akan dimulakan ke atas pendedahan dalam laporan Pandora Papers yang berkenaan aset-aset individu-individu Malaysia yang disimpan dalam offshore accounts yang mana dikatakan berjumlah RM1 trilion dan sekiranya tidak, apakah sebab-sebab untuk tidak menyiasat pendedahan tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya penggunaan akaun luar pesisir bukanlah satu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia dan tindakan akan diambil sekiranya terdapat bukti berkaitan salah laku jenayah mana-mana individu atau syarikat.

Struktur Kewangan Malaysia dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia melalui Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731]. Aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan transaksi wang ke luar negara adalah tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2021 (AMLA) [Akta 613] dan akta berkaitan yang merangkumi langkah pencegahan terhadap kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pemindahan dana melalui saluran tidak rasmi dan pengisytiharan mata wang di pintu masuk keluar negara.

Sekiranya institusi kewangan mengesyaki sesuatu transaksi melibatkan hasil aktiviti haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, institusi kewangan hendaklah membuat laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction report, STR) kepada Bank Negara Malaysia (BNM). Ini membolehkan maklumat dikemukakan kepada agensi penguatkuasaan bagi membuat siasatan lanjut terhadap transaksi dan mana-mana orang yang terlibat, dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya. Tindakan siasatan dan penguatkuasaan adalah dijalankan oleh agensi penguatkuasaan yang berkenaan, tertakluk kepada elemen-elemen kesalahan dan bidang kuasa perundangan.

Aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan transaksi wang keluar negara adalah tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) [Akta 613] dan akta-akta berkaitan yang merangkumi langkah pencegahan terhadap kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pemindahan dana melalui saluran tidak rasmi dan pengisytiharan mata wang di pintu masuk/keluar negara.

AMLA dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai pihak berkuasa berwibawa (*competent authority*) di bawah AMLA sentiasa bersedia memberi bantuan dan sokongan kepada agensi-agensi tersebut.

Selain itu, BNM juga telah meningkatkan pemantauan dan perisikan dalam mengesan aktiviti kiriman wang tanpa lesen. Manakala, aktiviti penyelarasan dan aktiviti penguatkuasaan bersama telah dilaksanakan terutamanya melalui National Anti-Financial Crime Centre (NFCC), penguatkuasaan dan kawalan sempadan termasuk pemantauan aliran tunai tidak sah.

Manakala aktiviti kewangan luar pesisir Malaysia dikawal selia oleh *Labuan Financial Services Authority* (Labuan FSA) melalui penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705]. Aktiviti penyelarasan dan aktiviti penguatkuasaan bersama juga telah dilaksanakan terutama melalui *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC), penguatkuasaan dan kawalan sempadan termasuk pemantauan.

SPRM sedang dalam penelitian berkenaan isu ini dan tindakan siasatan akan dilaksanakan sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya aktiviti pengubahan wang haram oleh individu-individu yang dikaitkan dengan Pandora Papers ini.

Sekian, terima kasih.